

Topophobia Wanita dan Persekitaran Bandar: Satu Pendekatan Reruang

(Women's Topophobia and Urban Environments: A Spatial Approach)

ZURIATUNFADZLIAH SAHDAN, NORAZIAH ALI & SHAHARUDIN IDRUS

ABSTRAK

Persekitaran bandar yang tidak selamat mewujudkan perasaan takut manusia terhadap tempat atau topophobia. Topophobia wanita dibina sebahagiannya secara prejudis yang dicerminkan melalui pola pergerakan mereka di dalam ruang. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti lokasi dan sifat ruang topophobia wanita di Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Seramai 391 orang wanita yang tinggal di kawasan kajian telah dipilih menjadi sampel kajian. Data sifat ruang dan lokasi topophobia diperoleh menerusi kaji selidik di lapangan menggunakan borang soal selidik dan berdasarkan titik yang ditandakan oleh responden pada peta dasar Pantai Dalam. Penganalisan data lokasi topophobia dilaksanakan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) manakala sifat ruang topophobia menggunakan statistik deskriptif dan inferensi (ujian khi kuasa dua). Hasil kajian menunjukkan sifat ruang topophobia yang paling ditakuti ialah berkeadaan sunyi atau lengang (82.1%). Peratusan ini mengatasi ciri-ciri ruang topophobia yang lain seperti jalan lorong (68.5%), ruang terpencil dan jarang dilalui orang (58.8%) dan ruang yang diisi oleh penagih dadah berkeliraran (41.9%). Persepsi kebanyakan responden terhadap tahap keselamatan menunjukkan Pantai Dalam kurang selamat (54%). Ujian khi kuasa dua mendapati bahawa terdapat perhubungan antara persepsi tahap keselamatan dengan pilihan untuk tinggal di kawasan ini. Kajian ini memberi gambaran khusus tentang keterancaman wanita dalam persekitaran fizikal dan sosial di Pantai Dalam. Justeru, pihak berkuasa wajar merancang dan membangunkan semula Pantai Dalam ke arah bandar selamat dan berdaya huni.

Kata kunci: Topophobia; persekitaran bandar; wanita; selamat dan berdaya huni; sistem maklumat geografi

ABSTRACT

Unsafe urban environment creates human fear of places or topophobia. Women's topophobia emerge partly by prejudices that reflected in their movement patterns in space. This article aims to identify the location and nature of women's topophobia space in Pantai Dalam, Kuala Lumpur. A total of 391 women living in the study area were selected as respondents. The data on the space nature and location of topophobia was obtained through a field survey using questionnaire, and from points marked by the respondents on the Pantai Dalam based map. The topophobia location data was analyzed by using (GIS) while the nature of topophobia space data was analyzed by descriptive statistics and inferential statistics (chi-squared test). Results showed that the nature of the most feared topophobia space is lonely or deserted condition (82.1%). This percentage overcome other topophobia spatial characteristics such as road / lane (68.5%), isolated area and rarely traversed by humans (58.8%) and the space filled of drug addicts roaming around (41.9%). Perception of the most respondents towards the safety level indicates that Pantai Dalam is less safe (54%). The chi-squared test found that there is a relationship between the perception of the level of safety with the option of staying in that particular area. This study gives specific images of women vulnerabilities in physical and social environment in Pantai Dalam. Hence, the authorities should plan and develop Pantai Dalam towards safe and livable city.

Keywords: Topophobia; urban environment; women; safe and livable; geographical information system

PENGENALAN

Imej bandar seringkali terjejas disebabkan oleh pelbagai masalah seperti kekurangan sumber air bersih, kesesakan lalu lintas, peningkatan kadar jenayah, banjir, penjadualan pendatang asing dan sebagainya. Pelbagai tindakan telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi menangani masalah ini dalam memperbaiki kualiti hidup penduduk bandar dan seterusnya meningkatkan imej bandar. Antaranya ialah program bandar selamat (Jamaludin Mustafa 2007), bandar lestari (Abdul Samad et al. 2004) dan bandar berdaya huni (Abdul Samad et al. 2008). Namun, usaha ini tidak bermakna tanpa mengambil kira penerimaan dan dukungan masyarakat bandar sebagai entiti yang aktif untuk menjayakan usaha tersebut.

Perlakuan masyarakat adalah refleksi kepada persepsi mereka terhadap persekitaran (Johnston 1973). Persepsi yang difahami dalam geografi manusia melibatkan emosi positif atau negatif. Emosi negatif seperti perasaan yang memuakkan, takut dan sangat benci terhasil berasaskan imej negatif bandar. Beberapa fenomena yang wujud di kawasan bandar seperti jenayah, penduduk terpinggir, penduduk miskin, ketiadaan infrastruktur atau masalah teknikal berkaitan pencemaran atau kemerosotan alam sekitar yang menghasilkan tindak balas penolakan oleh penduduk. Persepsi negatif dan penolakan terhadap sesuatu tempat dipanggil *topophobia*. Manakala bagi emosi positif dengan perasaan kecintaan terhadap tempat dikenali sebagai *topophilia*. Ruangan *topophilia* mudah dikenal pasti kerana ditandai oleh harga tanah dan perumahan yang tinggi (Cucu et al. 2011).

Kajian persepsi terhadap bandar menjadikan *topophilia* matlamat utama agar menjadi persepsi sepunya yang perlu dicapai oleh masyarakat setempat. Sebaliknya, perasaan *topophobia* dilihat sebagai persepsi buruk yang perlu dibanteras supaya tidak terus membelenggu masyarakat. *Topophobia* adalah petanda kepada kepincangan yang berlaku dalam ruang bandar sama ada ruang fizikal mahupun sosial. Implikasinya, daya tarikan sesuatu tempat telah disekat oleh rasa kebimbangan yang dipengaruhi oleh ketakutan dan berada di luar zon selesa seseorang.

Sehubungan itu, artikel ini berusaha untuk mengenal pasti lokasi dan sifat ruang *topophobia* wanita di Pantai Dalam, Kuala Lumpur melalui pendekatan spatial. Sifat ruangan yang diteliti dalam makalah ini melibatkan jenis, fizikal dan keadaan ruang yang ditakuti.

KONSEP RUANG *TOPOPHOBIA* BANDAR

Kajian *topophobia* bandar cenderung untuk menjadikan faktor jenayah sebagai subjek utama yang mengundang persepsi ketakutan di sesuatu tempat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Neill (2011), ketakutan yang paling teruk antara ketakutan lain ialah ketakutan terhadap

jenayah khususnya yang boleh mengundang bahaya peribadi. Ketakutan ini berkait rapat dengan pengaruh pengaturcaraan ruang yang mempunyai risiko berlaku jenayah dan ciri-ciri perantara yang memberi bayangan jenayah.

Di samping itu, gender merupakan faktor utama yang menyumbang kepada *topophobia*. Perbezaan gender secara spatial dan politik (Pain 1997), status wanita yang tidak sama rata (Koskela 1999) dan keutamaan ruang bandar yang memihak kepada lelaki dilihat memberi ancaman fizikal terhadap wanita berbanding risiko sebenar (Paul 2011). Ketakutan utama wanita terhadap tempat disebabkan oleh ancaman jenayah keganasan khususnya serangan seksual berbanding jenayah harta benda. Ekspresi ketakutan wanita ditonjolkan dengan beberapa cara penggunaan ruang seperti pengecualian, penghindaran, pembatasan, pembebasan dan penyertaan tempat yang dibimbangi wanita.

Topophobia berlaku dalam konteks yang berlainan mengikut jenis ruangan. Penjelasan mengenai *topophobia* sering dibezakan mengikut jenis ruang iaitu sama ada ruang awam atau peribadi. Janz (2008) mengklasifikasikan ruang *topophobia* dengan lebih spesifik kepada empat jenis ruangan iaitu; ruang terbuka (*agoraphobia*), ruang tertutup (*claustrophobia*), jalan (*ayrophobia*) dan persekitaran rumah (*oikophobia*) itu sendiri. Pengelasan ini dijadikan asas untuk menghuraikan perbezaan *topophobia* yang berlaku dalam ruangan yang berbeza.

Ketakutan terhadap ruangan terbuka amat sinonim dengan beberapa tempat seperti di perhentian bas, tempat letak kenderaan, stesen kereta api dan kawasan hijau. Uzzell & Brown (t.th) menyelidiki tentang persekitaran yang mempengaruhi ketakutan manusia terhadap jenayah di stesen kereta api. Persekitaran stesen kereta api dan pengaturcaraan perjalanannya didapati boleh mempengaruhi jenis, lokasi dan masa jenayah. Pendedahan rutin jadual perjalanan memberi ruang terhadap penjenayah untuk merancang sesuatu. Di samping itu, persekitaran sosialnya juga terdiri dari pelbagai pengguna yang melibatkan bukan sahaja penumpang, kakitangan dan pembeli, tetapi juga masyarakat bergelandangan dan penyeluk saku. Hal ini menyebabkan pengguna pengangkutan tersebut berasa terancam dan tidak selamat terutamanya semasa menunggu ketibaan perkhidmatan tersebut. Sideris (1995) juga bersetuju bahawa kriteria tertentu di sesuatu kawasan boleh mewujudkan peluang berlakunya jenayah. Hasil kajiannya yang bertumpu di sepuluh perhentian bas paling berbahaya di Los Angeles mendapati punca kadar kejadian jenayah yang tinggi adalah disebabkan oleh atribut persekitaran yang terbiar dan negatif dengan ciri-ciri tempat yang tidak defensif. Kedua-dua kajian oleh Uzzell dan Brown (t.th) dan Sideris (1995) menyimpulkan bahawa walaupun kadar jenayah rendah, ketakutan orang awam terhadap jenayah tetap meningkat disebabkan oleh kriteria

tempat yang menakutkan. Ketakutan ini mempengaruhi keputusan mereka dengan mengelakkan diri daripada menaiki pengangkutan awam.

Kaya & Kubat (2007) berpendapat bahawa ketakutan lebih berkait dengan konfigurasi ruang berbanding kejadian jenayah itu sendiri. Pengetahuan mengenai sesuatu ruangan yang ingin dikunjungi adalah penting untuk seseorang berasa lebih selamat khususnya di ruangan terbuka. Kajian Kaya & Kubat (2007) memfokuskan kepada ciri-ciri visual landskap taman di bandar bagi menentukan sama ada ruang itu menakutkan atau selamat, rentetan daripada kadar jenayah kecurian dan keganasan yang tinggi di situ. Hasil kajian ini berupaya menyediakan maklumat berkenaan tempat kajian serta mampu meningkatkan keyakinan diri orang awam. Di samping itu, persekitaran hijau di bandar juga dijadikan indikator kualiti perumahan. Struktur, fungsi dan daya tarikan kawasan hijau menentukan gred perumahan di bandar sama ada selamat (*topophilia*) atau menakutkan (*topophobia*).

Kejiranan yang dikaitkan dengan *topophobia* mempunyai imej negatif disebabkan oleh banyak faktor selain dari kekurangan kawasan hijau, ia juga dipengaruhi oleh kadar kejadian jenayah yang tinggi, peratusan penduduk sosial terpinggir, keadaan kemudahan yang tidak baik dan kualiti persekitaran yang telah terdegradasi disebabkan oleh pencemaran (Cucu et.al. 2011). Kawasan petempatan yang memiliki ciri-ciri ini ditandai persekitaran ekonomi kelas bawahan dengan kos sewa yang murah dan hanya mampu diduduki oleh golongan pekerja kolar biru sahaja.


Ruangan tertutup juga berisiko menjadi ruangan yang menakutkan dan tidak selamat. Jenis ruangan seumpama ini yang menjadi fokus kajian *topophobia* adalah di kawasan komuniti berpagar. Hasil penyelidikan Doenges (2000) mendapati penduduk komuniti berpagar mempunyai semangat kejiranan yang rendah. Hal ini menyukarkan proses ke arah pembinaan ruang bandar yang defensif. Lebih membimbangkan lagi, komuniti ini masih terdedah dengan bahaya sejurus mereka keluar dari kawasan perumahan mereka. Kebergantungan manusia dengan teknologi yang membolehkan pengawasan, pengawalan dan pertahanan dengan menggunakan kamera, pengadang jalan, grill, kata kunci dan bar kod menafikan keperluan mereka untuk memupuk semangat kejiranan. Kajian Low (2001) meneroka saling kaitan antara kehilangan perasaan terhadap tempat dan peningkatan pemisahan kelas. Beliau mendapati bahawa pembinaan dinding, pagar, dan kawalan menghasilkan satu landskap yang mengekodkan perhubungan kelas dan pengasingan kependudukan mengikut bangsa, kelas etnik dan gender secara kekal di dalam persekitaran terbina. Jelas, ruang tertutup seperti komuniti berpagar yang dianggap selamat juga masih terdedah dengan bahaya jenayah disebabkan persekitaran yang tidak defensif.

Selain ruangan tertutup, ruang jalan adalah ruangan yang paling ditakuti oleh komuniti bandar khususnya wanita. Ruangan ini sering kali dikaitkan dengan jenayah ragut, pergaduhan antara kumpulan samseng, perlakuan anti-sosial dan insiden berkaitan dadah yang kesemuanya memainkan peranan dalam menyebabkan seseorang berasa tidak selamat di jalan dan menimbulkan rasa ketakutan. Persepsi wanita terhadap jalan sangat berkait rapat dengan persepsi tentang siapa yang mengisi ruang itu dan kawalan terhadap ruang. Kewujudan *graffiti*, sampah-sarap, sekumpulan pemuda atau golongan yang bergelandangan di jalanan memberi petunjuk bahawa ruang tersebut tidak dipelihara atau dikawal sama ada secara formal oleh polis, atau secara tidak formal oleh penduduk setempat, pemilik kedai, pelintas dan sesiapa yang berkaitan. Jenayah di jalanan dianggap sebagai masalah biasa di kebanyakan bandar-bandar Amerika Utara dan Eropah. Sehubungan itu, kajian negara-negara maju lebih menumpukan aspek penambahbaikan persekitaran jalan bagi mengurangkan kejadian jenayah. Sebagaimana kajian Day (2007) yang membuat penilaian sebelum dan selepas pembinaan semula bandar di California dari sudut kesannya terhadap jenayah dan keselamatan pejalan kaki. Hasil kajian mendapati bahawa reka bentuk bandar membantu untuk mengurangkan kadar jenayah khususnya di kejiranan yang miskin dalam masa yang sama harus mengambil kira kesan-kesan lain.

Kebanyakan kajian seperti Kaya & Kubat (2007); Uzzell & Brown (t.th); Sideris (1995) hanya menumpukan kepada isu keganasan atau jenayah yang dilakukan oleh orang asing di luar rumah atau di ruang awam. Sedangkan, ketakutan juga boleh wujud dalam rumah itu sendiri. Warrington (2000) memfokuskan kajiannya terhadap realiti bahawa rumah yang diharapkan menjadi tempat yang selamat juga boleh menjadi tempat keganasan yang dilakukan oleh anggota keluarga sendiri. Lebih buruk lagi mangsa keganasan hanya dibatasi oleh ruangan yang terhad. Dalam hal ini, ruang *topophobia* mereka adalah lebih kepada persekitaran peribadi di rumah itu sendiri berbanding persekitaran awam yang dibincangkan sebelum ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan kaedah kajian tinjauan untuk mendapatkan lokasi dan sifat ruang *topophobia* wanita di Pantai Dalam. Data lokasi *topophobia* didapati dengan mengarahkan responden menandakan simbol titik pada peta Pantai Dalam yang dibekalkan bersama dengan borang kaji selidik yang kemudiannya dipetakan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS).



RAJAH 1. Peta Kuadran Taburan Lokasi *Topophobia* di Pantai Dalam

HASIL KAJIAN

Pantai Dalam adalah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang terletak di bahagian barat daya ibu kota. Lokasi kawasan ini adalah dalam lingkungan radius 2.1 kilometer ke arah utara/selatan, serta 900 meter ke arah timur/barat adalah (dengan mengambil titik rujukan pada latitud $3^{\circ} 6' 17.12''$ utara dan longitud $101^{\circ} 40' 4.43''$ timur). Luas kawasan kajian ialah kira-kira 22 km². Pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran kawasan Pantai Dalam ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Aspek *topophobia* wanita di Pantai Dalam yang akan dikupas melibatkan beberapa perkara. Antaranya ialah lokasi, sifat ruang, sifat manusianya dan aspek keselamatan di Pantai Dalam.

LOKASI *TOPOPHOBIA*

Pola taburan lokasi *topophobia* yang bertumpu di beberapa kawasan terhasil daripada jawapan responden yang kesemuanya lebih kurang sama. Fenomena ini dapat dilihat apabila terdapat kawasan yang mempunyai tahap ketakutan yang sangat ekstrem berbanding kawasan lain yang hanya terletak dalam kategori kurang takut dalam julat 1 hingga 20 tandaan. Hal ini menunjukkan bahawa lokasi yang dipilih mempunyai faktor tertentu yang menyebabkan responden menandakan jawapan yang sama. Lokasi utama yang sangat ditakuti responden terletak dalam lima kawasan utama pada peta (Rajah 1) iaitu:



1. Kuadran B6 merangkumi kawasan perumahan Vista Angkasa, Flat PKNS Kg. Kerinchi, Rumah Pangsa Kg. Kerinchi dan Stesen LRT Universiti
2. Kuadran G8 yang meliputi kawasan perumahan Taman Bukit Angkasa
3. Kuadran G10 yang melibatkan dua kawasan perumahan iaitu Kuarters DBKL dan PPR Pantai Permai
4. Kuadran F16 yang mana terletak stesen komuter Pantai Dalam
5. Kuadran E5 iaitu di stesen LRT Kerinchi

Dalam kelima-lima kawasan ini, kuadran B6 mencatatkan jumlah jawapan ketakutan tertinggi dengan 148 bilangan jawapan berbanding lokasi kedua dan ketiga yang paling ditakuti iaitu di stesen komuter Pantai Dalam (85 bilangan jawapan) dan stesen LRT Kerinchi (82 bilangan jawapan).


Kawasan yang berada dalam kuadran B6 dan persekitaran sekelilingnya iaitu dalam kuadran C6 mempunyai ciri-ciri visual yang tidak menyenangkan khususnya di sekitar Rumah Pangsa Kg. Kerinchi yang mengalami masalah pembangunan semula yang

tertanggung. Kebanyakan blok telah lama ditinggalkan oleh penghuninya. Hanya penghuni kepada 36 buah rumah sahaja yang belum dapat berpindah. Suasana kawasan ini menjadi suram dengan semak-samun, fizikal bangunan yang usang, kotor dan terdapatnya contengan *grafitti*. Di belakang kawasan rumah pangsa ini ialah petempatan setinggian yang sebahagiannya telah dikosongkan atas arahan kerajaan (dalam kuadran C6). Di kawasan ini terdapat beberapa kesan tapak rumah yang telah dirobuhkan dan rumah kosong yang usang. Manakala beberapa buah rumah yang masih berpenghuni sebahagiannya diduduki oleh warga asing.


Terdapat dua senario yang berbeza dalam persekitaran B6. Senario pertama seperti yang dijelaskan sebelum ini iaitu persekitaran yang sunyi, lengang dan menyeramkan dengan perumahan usang yang ditinggalkan. Senario kedua melibatkan kawasan yang menjadi laluan utama dan tumpuan orang ramai pada masa kemuncak. Fenomena ini melibatkan beberapa tempat iaitu perumahan Vista Angkasa, sebahagian kawasan Flat PKNS Kg. Kerinchi dan stesen LRT dan bas Universiti.



RAJAH 2. Taburan Lokasi *Topophobia* pada Waktu Siang (a) dan Malam (b)



RAJAH 3. Ciri-ciri Ruang Topophobia



RAJAH 4. Keadaan Manusia di Ruang Topophobia

Rajah 2 menunjukkan tahap ketakutan wanita pada waktu malam mengatasi waktu siang. Di lokasi yang sama, tahap ketakutan wanita meningkat pada waktu malam. Beberapa kawasan yang berada pada tahap sederhana takut pada siang hari berubah kepada takut pada malam hari. Kawasan yang menunjukkan pola seumpama ini adalah di Taman Bukit Angkasa (F8 dan G8), Kuarters DBKL (G10), Stesen LRT Kerinchi (E5) dan stesen komuter Pantai Dalam (F16). Terdapat juga beberapa kawasan yang pada asalnya bukan lokasi ketakutan berubah kepada tahap sedikit/kurang takut pada waktu malam. Kuadran yang mencatatkan bilangan ketakutan tertinggi yang ditandakan oleh responden kekal dengan kedudukannya sebagai kawasan yang paling ditakuti sama ada pada waktu siang mahupun malam. Sebagaimana kawasan lain, ia juga mencatatkan nilai penandaan oleh responden yang bertambah pada waktu malam

SIFAT RUANG TOPOPHOBIA

Sifat ruangan *topophobia* responden melibatkan gabungan jenis, fizikal dan keadaan atau suasana ruang ditakuti untuk memperlihatkan perbezaan serta menonjolkan jumlah kekerapan ciri-ciri ruangan yang paling ditakuti dan sebaliknya. Rajah 3 menunjukkan keadaan ruangan yang sunyi atau lengang adalah ciri ruangan yang paling ditakuti responden berbanding dengan ciri yang lain (82.1%).

Ciri lain ruang yang paling ditakuti ialah kedudukan ruang yang terpencil dan jarang dilalui orang (58.8%) dan jalan atau lorong (68.5%). Ruangan lain yang ditakuti wanita ialah jejantas pejalan kaki di stesen komuter, kawasan yang sesak tiada ruang parkir, fizikal ruang seperti di dalam lif dan blok perumahan yang gelap tanpa lampu dengan peratusan masing-masing sebanyak 0.3%.

Rajah 4 memperlihatkan taburan keadaan manusia yang ditakuti responden. Beberapa keadaan manusia yang paling ditakuti responden adalah sekelompok

lelaki yang melepak, bersorak dan mengganggu (31.7%), penagih dadah yang berkeliaran (41.9%) dan kawasan yang dibanjiri pendatang asing (28.9%).

Kebanyakan ruang *topophobia* wanita diisi oleh sekumpulan lelaki yang melepak khususnya di kuadran B6, G8 dan F16. Keadaan manusia dengan tahap ketakutan agak rendah daripada ruang jawapan bagi pilihan lain-lain dalam borang kaji selidik ialah orang yang mencurigakan (1.5%) dan hantu (0.5%). Walaupun hantu tidak tergolong sebagai manusia, tetapi responden mempunyai justifikasi mereka sendiri atas jawapan tersebut. Di samping itu, perasaan takut masyarakat Melayu sememangnya seringkali didorong oleh perkara-perkara mistik seperti hantu.

Secara keseluruhannya, sifat ruang *topophobia* wanita dalam kajian ini wujud di kawasan yang mencapai tahap sangat takut pada Rajah 1 (kuadran B6). Ia melibatkan ruang jalan atau lorong, kawasan yang terpencil dan jarang dilalui orang serta bangunan terbengkalai, suasana ruang yang sunyi atau lengang, terdapat penagih dadah yang berkeliaran, lelaki yang melepak, bersorak dan mengganggu, dan dibanjiri pendatang asing. Ketakutan wanita semakin memuncak apabila mereka banyak berinteraksi dengan ciri-ciri ruang *topophobia* tersebut.

TAHAP KESELAMATAN DI PANTAI DALAM

Jadual 1 menunjukkan taburan persepsi tahap keselamatan di Pantai Dalam. Dapatan kajian memperlihatkan bilangan jawapan yang tertinggi ialah kurang selamat (54%). Sebilangan responden (38.1%) mempunyai persepsi positif dengan beranggapan bahawa Pantai Dalam adalah selamat. Selebihnya adalah sangat selamat (1.8%) dan tidak selamat (5.4%). Secara keseluruhan persepsi negatif mengatasi persepsi positif. Responden yang menjawab sangat selamat dan selamat berjumlah 39.9% manakala jawapan bagi kurang selamat dan tidak selamat mewakili 59.4%.

JADUAL 1. Tahap Keselamatan di Pantai Dalam

Tahap Keselamatan Di Pantai Dalam	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Selamat	7	1.8
Selamat	149	38.1
Kurang Selamat	211	54.0
Tidak Selamat	21	5.4
Tidak Jawab	3	0.8
Jumlah	391	100.0

Kajian ini mendapati bahawa persepsi majoriti responden terhadap Pantai Dalam adalah kurang selamat. Untuk mengetahui sejauh mana kesan persepsi tersebut ke atas mereka, pilihan untuk tinggal di kawasan ini dikenal pasti. Ujian khi kuasa dua menunjukkan terdapat hubungan antara tahap keselamatan dengan pilihan untuk terus tinggal di Pantai Dalam kerana tiada pilihan lain, di mana nilai $c^2=10.892$ dengan $p<0.05$ dan berpindah ke tempat lain di luar Pantai Dalam, yang mana nilai $c^2=7.930$ dengan $p<0.05$. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membawa makna yang jelas jika responden mempunyai pilihan, mereka tidak akan tinggal di Pantai Dalam. Pandangan ini memberi gambaran tentang kebimbangan wanita berada dalam ruang *topophobia* di kawasan ini.

PERBINCANGAN

Lokasi *topophobia* berada di kawasan yang menjadi laluan rutin harian mereka. Ketakutan yang paling ketara wujud di kawasan perumahan berkepadatan tinggi dan stesen pengangkutan awam. Fenomena ini menyebabkan wanita sentiasa dibelenggu ketakutan apabila menjalankan aktiviti harian mereka. Ekspresi ketakutan ini ditonjolkan melalui beberapa cara penggunaan ruang seperti pergi ke tempat-tempat yang hanya dirasakan perlu dan selamat, banyak menghabiskan masa di rumah dan hanya melakukan urusan penting pada masa yang dirasakan selamat. Segelintir wanita pula cenderung untuk mengubahsuaui rutin hariannya bagi mengelakkan atau menguruskan situasi yang melibatkan ruang yang ditakuti (Scott 2003). Ini mewujudkan halangan spatial yang mengurangkan metabolisme bandar dan menghasilkan ruang bandar yang bersifat saling kait-kuasa gender (Koskela 1999).

Kawasan yang pada asalnya bukan lokasi ketakutan berubah menjadi sedikit/kurang takut pada waktu malam. Kuadran yang mencatatkan bilangan ketakutan tertinggi yang ditandakan oleh responden kekal dengan kedudukannya sebagai kawasan yang paling ditakuti sama ada pada waktu siang mahupun malam. Sebagaimana kawasan lain, ia juga mencatatkan nilai penandaan oleh responden yang bertambah pada waktu malam. Dapatan ini selari dengan masa yang paling ditakuti responden adalah sepanjang waktu malam. Koskela (1999) mengulas perkara ini dengan menyatakan bahawa waktu siang jarang dianggap menakutkan sebagaimana waktu malam. Waktu malam dikaitkan dengan persekitaran sosial yang membuatkan orang ramai berhati-hati. Ia melibatkan satu masa apabila jalan-jalan dibayangkan akan diduduki oleh kumpulan-kumpulan mengancam yang mungkin menceroob rumah; pencuri yang memecahkan pintu rumah, pembunuh yang memukul di bawah perlindungan kegelapan atau pemabuk yang mencabul kehormatan (Hubbard & Holloway 2001).

Selain itu, waktu malam juga dikaitkan dengan suasana yang menyeramkan dengan rangsangan kepercayaan tahyul seperti kewujudan hantu.

Koskela (1999) menghujahkan bahawa tidak semua tempat dan kawasan di bandar mempunyai tahap ketakutan yang sama rata. Di United Kingdom, terdapat dua jenis lokasi yang paling ditakuti wanita. Pertama, ruangan terbuka yang luas seperti taman dan hutan. Kedua, ruangan tertutup dengan jalan keluar yang terhad seperti terowong, lorong dan parkir kenderaan bertingkat. Manakala di Amerika Syarikat, wanita mengelaskan ruang jalan atau lorong sebagai tempat yang paling berbahaya diikuti dengan ruang taman.

Di Pantai Dalam, jenis ruangan yang paling ditakuti wanita juga adalah jalan atau lorong. Keadaan jalan/lorong yang gelap serta terdapatnya gerai makanan yang dibuka pada laluan pejalan kaki memburukkan lagi imej ruang tersebut. Di samping itu, Koskela (1999) memerihalkan bahawa wanita lebih takut berada di tempat yang lengang dan terencil berbanding lelaki yang lebih takut dengan tempat yang aktif secara sosial seperti di stesen pengangkutan awam. Makalah ini juga mendapati keadaan ruangan yang sunyi atau lengang adalah ciri ruangan yang paling ditakuti responden berbanding dengan ciri yang lain. Selain itu, kehadiran sekelompok manusia seperti penagih dadah yang berkeliaran, lelaki yang melepak, bersorak dan mengganggu, dan ruang yang dibanjiri pendatang asing juga menimbulkan *topophobia* wanita di Pantai Dalam. Koskela (2010) merujuk golongan manusia seumpama ini sebagai 'others'. 'Others' ialah 'orang lain' atau asing yang mempunyai potensi bahaya. 'Other' kadangkala sudah menjadi biasa dalam masyarakat dan tidak lagi menimbulkan ketakutan.

Majoriti responden memberi penilaian tahap keselamatan di Pantai Dalam adalah kurang selamat. Persepsi ini mempengaruhi keputusan untuk terus tinggal di Pantai Dalam kerana tiada pilihan lain dan berpindah ke tempat lain di luar Pantai Dalam. Dengan kata lain, jika responden mempunyai pilihan, mereka tidak akan tinggal di Pantai Dalam. Sikap ini memberi gambaran yang jelas bahawa Pantai Dalam belum mencapai tahap sebagai sebuah bandar yang berdaya huni serta memberi jaminan keselamatan kepada penduduknya.

Di Malaysia, pengaturcaraan ruang dan pembangunan yang mengambilkira sensitiviti wanita masih berada di peringkat permulaan. Kebanyakan pertubuhan kerajaan dan NGO lebih banyak menumpukan usaha rawatan dan pemulihan selepas wanita menjadi mangsa jenayah. Manakala usaha mengelakkan keterancaman wanita banyak bergantung kepada pihak polis. Pihak polis mengamalkan penjagaan keselamatan yang sama rata antara lelaki dan wanita. Ia dilihat kurang berkesan dalam menangani jenayah yang paling ditakuti wanita iaitu keganasan seksual.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, *topophobia* menjejaskan perhubungan wanita dengan ruangan harian mereka di Pantai Dalam. Sudah tiba masanya untuk kerajaan memikirkan tindakan khusus bagi mengurangkan ketakutan wanita untuk berada dalam ruang bandar. Golongan ini mendominasi pelbagai bidang pekerjaan dan memerlukan sokongan pelbagai pihak bagi meningkatkan produktiviti mereka.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah. 2004. Persekitaran bandar lestari untuk kesejahteraan komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management* 5: 3-29.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. 2008. *Dayahuni Bandar (Urban Livability)*. Bangi: Penerbit Lestari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cucu, L.A., Ciocanea, C.M. & Onose, D.A. 2011. Distribution of urban green spaces indicator of topophobia - topophilia of urban residential neighborhoods. case study of 5th district of Bucharest, Romania. *Forum Geografic* 10(2): 276-286.
- Day, K. 2001. Constructing masculinity and women's fear in public space in Irvine, California. *Gender, Place and Culture* 8(2): 109-127.
- Doenges, G. W. 2000. An exploration of sense of community and fear of crime in gated communities *Environment and Behavior* 32(5): 597-611.
- Hubbard, P. & Holloway, L. 2001. *People and Place*. England: Prentice Hall.
- Jamaludin Mustaffa. 2007. Aspek keselamatan awam dalam pembentukan bandar selamat di Malaysia: kajian kes Alor Star, Kedah. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Jang, S.J. & Ross, C.E. 2000. Neighborhood disorder, fear, and mistrust: the buffering role of social ties with neighbors. *American Journal of Community Psychology* 28(4): 401-420.
- Janz, B. 2008. The terror of the place: anxieties of place and the cultural narrative of terrorism. *Ethics, Place and Environment* 11(2): 191-203.
- Johnston, R.J. 1973. *Spatial Structure: Introducing the Study of Spatial Systems in Human Geography*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Kaya, B. & Kubat, A.S. 2007. Space and fear of crime relation in urban green areas case study: Maçka Demokrasi Park. *6th International Space Syntax Symposium*.
- Koskela, H. 1999. 'Gendered exclusions': women's fear of violence and changing relations to space. *Geografiska Annaler* 81(2): 111-124.
- Koskela, H. 2010. Fear and its others. Dlm. *The Sage Handbook of Social Geographies*, disunting oleh Smith, S. J., 389-407. London: Sage Publications.
- Low, S.M. 2001. The edge and the center: gated communities and the discourse of urban fear. *American Anthropologist* 103(1): 45-58.
- Modly, A.R. 2009. Geography of fear: understanding students' sense of place. *Chrestomathy: Annual Review of Undergraduate Research*, School of Humanities and Social Sciences, School of Languages, Cultures, and World Affairs, College of Charleston 8: 115-146.
- Neill, W.J.V. 2011. Marketing the urban experience: reflections on the place of fear in the promotional strategies of Belfast, Detroit and Berlin. *Urban Studies* 38(5): 815-828.
- Pain, R.H. 1997. Social geographies of women's fear of crime. *Transactions of the Institute of British Geographers* 22(2): 231-244.
- Paul, T. 2011. Space, gender, and fear of crime : some explorations from Kolkata. *Gender Technology and Development* 15(3): 411-435.
- Scott, H. 2003. Stranger danger: explaining women's fear of crime. *Western Criminology Review* 4(3): 203-214.
- Sideris, A.L. 1995. Hot spot of bus stop crime: the importance of environmental attributes. www.uctc.net/papers/384.pdf. Diakses pada: 27 Oktober 2011.
- Tuan, Y.F. 2003. Perceptual and cultural geography: a commentary. *Annals of the Association of American Geographers* 93(4): 878-881.
- Uzzell, D. & Brown, J. t.th. Conceptual progress in understanding fear of crime in railway stations. www.scielo.oces.mctes.pt/pdf/psi/v21n2/v21n2a08.pdf. Diakses pada: 30 November 2011.
- Warrington, M. 2001. 'I must get out': the geographies of domestic violence. *The Institute of British Geographers* 26(3): 365-382.
- Wyant, B.R. 2008. Risk on fear of crime: isolating endogenous impacts multilevel impacts of perceived incivilities and perceptions of crime. *Journal of Research in Crime and Delinquency* 45(1): 39-64.
- Zuriatunfadzliah Sahdan
Noraziah Ali
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
e-mel: zfadzliah@gmail.com
aziah@ukm.my
- Shaharudin Idrus
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
e-mel: dinshah@ukm.my

